

# VIRUS EBOLA

## Di manakah Ebola bermula ?

Ebola mula dikesan pada tahun 1976 di Nzara, Sudan dan juga Yambuku, Zaire (Republik Demokratik Congo). Di Zaire, kampung di mana wabak Ebola ini mula dikesan adalah berdekatan dengan sungai bernama Ebola. Di situah di mana virus ini mendapat nama.

Kelawar buah dikatakan merupakan binatang yang dikenalpasti menjangkitkan manusia dengan penyakit berkenaan. Di Afrika, interaksi antara manusia dengan binatang seperti chimpanzee, gorila, monyet, antelop dan landak juga antara punca penyebab berjangkitnya virus Ebola ini kepada manusia.

## Apakah Rawatan Ebola ?

Buat masa sekarang, masih belum ada. Sekadar beberapa vaksin yang masih lagi dalam eksperimen percubaan. Doktor kebiasaannya akan menyediakan penjagaan tambahan yang lebih rapi kepada pesakit, termasuk bantuan oksigen, pemindahan darah dan rawatan mengelakkan jangkitan penyakit lain.

## Apakah Virus Ebola ?

Penyakit virus Ebola yang juga dikenali sebagai EVD adalah penyakit jangkitan virus yang parah dengan menunjukkan ciri-ciri seperti flu dan pendarahan dalam yang teruk. Kadar untuk selamat adalah sangat rendah. Kira-kira 60 hingga 90 peratus orang yang terkena virus ini akan mengalami kematian.



Bagaimana

## Ebola Berjangkit ?

Virus Ebola bukanlah penyakit jangkitan melalui udara. Penyakit ini hanya berjangkit melalui sentuhan benda air badan, seperti darah. Pekerja kesihatan merupakan individu yang sangat berisiko tinggi jika tidak memakai perlatan dan pakaian yang selamat, seperti topeng, gaun dan sarung tangan.

## Apakah Simptom Ebola

- Selesema.
- Demam
- Sakit otot
- Sakit kepala
- Sakit tekak.
- Muntah,
- Cirit birit,
- Ruam

Kegagalan ginjal berfungsi  
Pendarahan dalaman atau luaran.  
Virus ini akan mula menunjukkan  
kesan simptom antara dua hingga 21 hari.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan sehingga 23 Julai 2014, sebanyak 1201 kes Ebola disahkan di seluruh dunia, dengan jumlah kematian sudah mencecah seramai 672 orang.